

Bil. () dlm. MPC(SRO) (2020)

19 Ogos 2020

Tn Hj Dzulkifli Hamzah
Blueskies Network Sdn Bhd
65, Jalan Putra Permai 10/3B
Putra Heights
47650 Subang, Selangor

Tel/Fax : 03-51037399

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – MALAYSIA PRODUCTIVITY BLUEPRINT (SPPE-MPB) 2020 BAGI MEMSCOM TECHNOLOGY SDN BHD UNTUK PROGRAM LEAN MANAGEMENT

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik tuan dari **Blueskies Network Sdn Bhd** untuk pelaksanaan skim di atas bagi syarikat yang dinyatakan. Di dalam program ini, tuan dikehendaki melaksanakan aktiviti taklimat, latihan, dan khidmat nasihat bagi membolehkan syarikat ini berjaya menamatkan projek pembangunan sistem dengan jayanya.

3. Pelantikan puan untuk melaksanakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) bagi syarikat ini adalah mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** yang mengambil masa antara **4 hingga 6 bulan** bermula September 2020 hingga Februari 2021. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran profesional, penginapan dan perjalanan melaksanakan tugas bagi program ini sebanyak **RM20,600.00**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 3**.

4. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima seperti di **Lampiran 4** kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini.


Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak tuan dalam menjayakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HJH ROZIANA OTHMAN)

Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Wilayah Selatan

1.0 Skop Kerja Projek

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak **Blueskies Network Sdn Bhd** (perunding). Adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk membantu syarikat dalam Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

Carta Perbatuan Projek
MEMSCOM TECHNOLOGY SDN BHD
No 3, Jalan Tiram 1
Taman Perindustrian Tiram,
81800, Ulu Tiram, Johor
(PROJEK LEAN MANAGEMENT)

Aktiviti	Tahun 2020 /2021					
	SEPT	OKT	NOV	DIS	JAN	FEB
FASA 1						
Taklimat & Diagnostik(Leanhealthcheck): (1 hari) Taklimat Pengurusan & Diagnostik						
Latihan 1: (2 hari) Kursus Value Stream Mapping						
Lawatan Perundingan 1: (1 hari) Pemilihan Projek						
FASA 2						
Latihan 2: (2 hari) Kursus Tools & Technique						
Lawatan Perundingan 2: (1 hari) Pengesahan Projek						
Lawatan Perundingan 3: (1 hari)						
Lawatan Perundingan 4: (1 hari)						

FASA 3:						
Lawatan Perundingan 5: (1 hari) Semakan hasil projek & pre-pembentangan kepada pihak pengurusan syarikat						
Penilaian Akhir (Post Assessment): (1 hari) Persembahan Akhir Projek						

*Tarikh sebenar sesuatu aktiviti tertakluk persetujuan pihak perunding dan syarikat peserta dan perlu dimaklumkan kepada pihak MPC (melalui penyelaras berkenaan).

2.0 Syarat Pelantikan

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (**Sila Rujuk Lampiran 5**)
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
3. Kadar bayaran untuk kursus/latihan ialah **RM2,000 sehari** (7 jam);
4. Kadar bayaran untuk taklimat & lawatan perundingan ialah **RM1,800.00** sehari;
5. Bersetuju dengan syarat-syarat 3 dan 4 di atas sebagai pakej yuran khidmat profesional termasuk perbelanjaan lain iaitu **perjalanan, penginapan, material program dan lain-lain yang diperlukan untuk kursus tersebut;**
6. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek yang akan ditawarkan;
7. Perunding tidak mengendalikan lebih dari 3 projek pada satu-satu masa;
8. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik (4.0 dan ke atas);
9. Perunding perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
10. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
11. Perunding hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
12. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut (Rujuk para 3.2 Lampiran 3);
13. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada perunding;
14. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak perunding (sekiranya berkenaan); dan
15. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi.

* Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.

3.0 Bayaran

3.1 Kadar Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh perunding*:

- | | |
|--------------------------------------|--------------|
| 1. 4 Hari Latihan @ RM2,000 sehari | RM 8,000.00 |
| 2. 7 Hari Perundingan @ RM1,800 hari | RM 12,600.00 |

Jumlah	RM20,600.00
---------------	--------------------

Jumlah Keseluruhan	RM20,600.00
---------------------------	--------------------

* Kadar ini adalah termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan bahan program (seperti nota kursus).

** Kadar ini berbeza mengikut samada kadar setempat atau kadar luar kawasan (kadar yang dinyatakan di atas adalah kadar luar kawasan).

3.2 Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran

Bil	Aktiviti	Jumlah Hari	Kos	Kos Keseluruhan
1	Taklimat & Diagnostik (Taklimat Pengurusan&Diagnostik)	1	RM1,800	RM 1,800.00
2.	Latihan 1 (Kursus Value Stream Mapping)	2	RM2,000	RM 4,000.00
3.	Lawatan 1	1	RM1,800	RM 1,800.00
Jumlah Bayaran FASA PERTAMA				RM7,600.00

4.	Latihan 2 (Kursus Tools & Technique)	2	RM 2,000	RM 4,000.00
5.	Lawatan 2 & 3	2	RM 1,800	RM 3,600.00
Jumlah Bayaran FASA KEDUA				RM7,600.00

6	Lawatan 5 & 6	2	RM 1,800	RM 3,600.00
7	Penilaian Akhir (Post Assessment) (Persembahan Akhir Projek)	1	RM 1,800	RM 1,800.00
Jumlah Bayaran FASA KETIGA				RM 5,400.00
Jumlah Bayaran Keseluruhan Keseluruhan				RM20,600.00

No Rujukan:

Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Wilayah Selatan
No 8, Jalan Padi Mahsuri
Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor
(U.P.: Mazuan Salih)

Faks : 07-2380798

Tuan,

AKUAN SETUJU TERIMA PERLANTIKAN SEBAGAI PERUNDING SKIM
PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – *MALAYSIA PRODUCTIVITY
BLUEPRINT* (SPPE-MPB) BAGI **MEMSCOM TECHNOLOGY SDN BHD**

Saya Dzulkifli Hamzah mewakili pihak syarikat **Blueskies Network Sdn Bhd** no.
K/P: _____ bersetuju dilantik sebagai perunding Skim
Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB)
untuk syarikat **MEMSCOM TECHNOLOGY SDN BHD** yang bernilai **RM20,600.00**
dalam tempoh **September 2020 hingga Februari 2021 (6 bulan)** . Saya memahami
dan akan mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang
ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam
spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan perlantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :